

FOTO | Yahya Hashim



BERPRESTASI...Mohzani (kanan) melancarkan Shell V-Power Racing, semalam.

# Shell tambah daya pecutan

## V-Power Racing 99 peratus menyamai petrol F1

>>Oleh Siti Azura  
Abdul Rahman

bisnes@hmetro.com.my

**S**HELL Trading (M) Sdn Bhd memperkenalkan petrol terbaru berprestasi tinggi, Shell V-Power Racing yang mampu menambah kuasa pecutan serta mengurangkan kehilangan kuasa akibat geseran.

Petrol yang diformulasi menerusi gabungan berteknologi tinggi itu turut ditambah dengan bahan yang dikenali sebagai teknologi pengurangan geseran (FMT) bagi memastikan kenderaan sentiasa berprestasi tinggi.

Pengarah Urusan Shell Trading (M) Sdn Bhd. Mo-

kata beliau yakin produk terbaru itu mampu memberi kepuasan maksimum kepada pengguna Shell sedia ada.

"Pertama kali dilancarkan di Asia, Shell V-Power Racing baru mempunyai 99 peratus komponen petrol yang digunakan kereta Ferrari pada perlumbaan Formula One (F1).

"Hasil usahasama antara Shell dan Ferrari selama hampir 60 tahun berjaya mencipta formulasi terbaru ini sekali gus menjadikan ia sebagai satu-satunya petrol berprestasi tinggi di sini," katanya pada sidang media selepas majlis pelancarannya di Kuala Lumpur semalam.

Mengakui petrol ini ber-

hzani berkata, pengguna pasti berpuas hati dengan prestasi kenderaan masing-masing selepas menggunakan Shell V-Power Racing.

"Keistimewaannya, petrol ini mampu mengurangkan geseran di antara bahagian enjin yang bergerak dengan pengeluaran serta pencegahan sisa petrol di dalamnya menerusi kuasa FMT.

"Tumpuan kini dikhususkan di Asia Tenggara dan pihak kami membelanjakan kira-kira RM6 juta bagi tujuan promosi," katanya.

Shell V-Power Racing yang dijual pada harga RM2.15 seliter boleh didapati di 300 stesen minyak Shell di Semenanjung mulai